

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 10 TAHUN 1976

DASAR PINDAHMILIK TANAH KEPADA SYARIKAT ADIK BERADIK YANG DITUBUH DI BAWAH THE COMPANIES ACT, 1965

M.M.K yang bersidang pada 12.6.1976, selepas menimbang Kertas Bil: 10/362/76 (6) telah membuat satu dasar yang menyeluruh berkenaan dengan pindahmilik tanah dalam Rizab Melayu kepada orang yang bukan Melayu. Mengikut dasar itu (bagaimana dalam Pengedaran PTG. Bil 8/1976) pindahmilik kepada syarikat atau badan-badan yang bukan Melayu dan bukan peranakan Kelantan boleh diberi pertimbangan dengan syarat penerima bersetuju ditukar kepada 'Pajakan' tidak lebih dari 33 tahun.

2. Masalah yang timbul sekarang ialah 'Masalah pindahmilik tanah dalam Rizab Melayu kepada syarikat-syarikat anak beranak yang ahlinya terdiri dari keluarga sendiri di kalangan orang-orang Melayu peranakan Kelantan'. Dalam masa-masa yang telah lepas tidak ada satu dasar yang tetap dalam soal ini. Oleh itu beberapa permohonan seperti ini telah dibenarkan pindahmilik oleh M.M.K kepada Syarikat Anak Beranak dengan tidak ada perubahan jenis Hakmilik.

3. Bagi maksud Undang-undang Simpanan Tanah Bagi Anak-anak Melayu Tahun 1930 dan juga Undang-undang Tanah Melayu Tahun 1930, syarikat-syarikat yang dinyatakan di perenggan 2 di atas itu, walau ahli-ahlinya terdiri dari anak beranak dari kalangan orang-orang Melayu sahaja, tetapi ianya disifatkan sebagai orang yang bukan Melayu dan bukan peranakan Kelantan. Oleh itu pada sepatutnya kalau mengikut dasar yang dinyatakan di perenggan 1 di atas, pindahmilik tanah-tanah yang berkenaan itu boleh dibenarkan dengan cara pajakan 33 tahun.

4. Dalam soal ini M.M.K telah mengkaji semula dan dalam sidangnyanya yang telah diadakan pada 29.7.1976 dan 14.8.1976, selepas menimbang Kertas Bil. 13/507/76/(37), telah berpendapat bahawa dari segi jangka panjangnya, dalam hal pindahmilik itu, patutlah dikenakan satu syarat supaya tanah-tanah yang dimiliki oleh orang-orang Melayu akan kekal dimiliki oleh orang Melayu, kerana sungguhpun mengikut Undang-undang Simpanan Tanah Bagi Anak-anak Melayu Tahun 1930 tanah-tanah Rizab Melayu tidak boleh dipindahmilik kepada orang bukan Melayu melainkan dengan kebenaran M.M.K, tetapi dahulu mendapat kelulusan M.M.K. Oleh itu untuk menjaga kepentingan dan mencapai tujuan ini, mana-mana tanah yang dipunyai oleh orang-orang Melayu yang hendak dipindahmilik kepada sebuah Syarikat Anak Beranak yang terdiri dari orang Melayu, pindahmilik itu boleh diluluskan oleh M.M.K berdasarkan kepada satu-satu kes, dengan tidak ada perubahan jenis Hakmilik dengan dikenakan Sekatan Kepentingan dan Syarat Khas (Express Condition) yang kena dicatitkan di atas Hakmilik bagi tanah yang berkenaan bagaimana berikut:-

a) **Sekatan Kepentingan (Restriction in Interest)**

Pemilik-pemilik saham syarikat seperti itu hendaklah sentiasa terdiri kesemuanya daripada orang-orang Melayu bagaimana yang ditakrifkan di bawah Undang-undang Simpanan Tanah Bagi Anak-anak Melayu Tahun 1930.

b) **Syarat Khas (Express Condition)**

Jika terdapat pada bila-bila masa pemilik-pemilik saham syarikat ini terdiri dari orang-orang yang bukan Melayu, yang diisytiharkan di bawah Enakmen Bil.18/30 yang dipegang di bawah Hakmiliknya hendaklah dipindahmilik dalam masa 6 bulan daripada tarikh perubahan kepunyaan saham kepada orang-orang Melayu.

5. Berdasarkan kepada keputusan M.M.K yang di atas, semua PHT adalah dinasihatkan supaya, sebelum Rang Kertas M.M.K berkenaan dengan ini diangkat untuk timbangan M.M.K meneliti Undang-undang Tubuh Syarikat itu sama ada ianya sebuah Syarikat Anak Beranak yang ditubuh di bawah The Companies Act 1965 dan ahli-ahlinya terdiri dari keluarganya sendiri dari kalangan orang-orang Melayu peranakan Kelantan atau tidak dan jika didapati begitu, pengesyoran hendaklah dibuat selaras dengan keputusan M.M.K bagaimana di perenggan 4 di atas.

6. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling Bil. 8/1976.

t.t
(Mohd Tajol Aros bin Ahmad)
Pengarah Tanah dan Galian,
Kelantan

KEPADA :

Semua PHT dan Penolong PHT Kelantan

SALINAN KEPADA :

YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan

YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan

Pengarah Ukur Negeri Kelantan

Juru Odit Negeri Kelantan

Pegawai Tadbir, L.K.T.N. Kelantan

Ketua Rancangan Penyelesaian Tanah Kelantan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN, KOTA BHARU**

PTG.Kn. 7376/(7)

BERTARIKH: 9HB. SEPTEMBERU, 1976